

## **LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA**

### **KONTRAK NO. MADA (IP) 02/2019**

#### **NOTIS TENDER**

1. Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang perkhidmatan di bawah kod bidang **222705** akan diterima di **BAHAGIAN INDUSTRI PADI, IBU PEJABAT LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA), AMPANG JAJAR, 05990 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN** hingga tutup tawaran jam 12.00 tengah hari pada **25 Februari 2019**.

<b>NO. KONTRAK</b>	<b>TAJUK</b>	<b>LAWATAN TAPAK</b>	<b>KOD BIDANG</b>
MADA(IP) 02/2019	Menyediakan Perkhidmatan Analisa Tanah Di Kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA),Kedah Dan Perlis	<b>Tiada Keperluan Lawatan Tapak</b>	<b>222705</b>

Semua butiran lanjut dan Dokumen Tawaran boleh diperolehi di **BAHAGIAN INDUSTRI PADI, IBU PEJABAT LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA), AMPANG JAJAR, 05990 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN, mulai 4 Februari 2019 sehingga 25 Februari 2019** pada waktu dan hari bekerja kecuali hari Jumaat dan Sabtu serta hari-hari Kelepasan Am.

2. Petender yang mengambil bahagian mestilah mempunyai makmal untuk analisis pertanian dan ahli kepada Persatuan Makmal Pertanian Malaysia (*Agriculture Laboratory Association of Malaysia - AgLam*).
3. Lembaga Pertanian Kemajuan Muda tidak akan bertanggungjawab di atas kegagalan penerimaan cadangan kewangan dan cadangan teknikal serta kegagalan menerima dokumen sokongan atau kehilangan borang-borang berkaitan tender tersebut.
4. Syarikat hendaklah mematuhi semua syarat dan terma yang ditetapkan.
5. Syarikat-syarikat yang ingin mengambil bahagian dalam tawaran ini dikehendaki:-
  - i. Membawa bersama Surat Pendaftaran Asal dengan Kementerian Kewangan Malaysia untuk pemeriksaan dan pengesahan serta sesalinan fotostat surat pendaftaran tersebut untuk tujuan rekod dan fail. Bagi Syarikat yang bertaraf Bumiputera, sila bawa bersama surat akuan asal Kementerian Kewangan Malaysia dan sertakan sesalinan fotostat surat pendaftaran tersebut kepada pegawai yang mengeluarkan Dokumen Tawaran.
  - ii. Membeli Dokumen Tawaran dengan harga **RM 50.00** setiap naskah.
6. Setiap bayaran hendaklah dibuat secara **Kiriman Wang/Wang Pos/Deraf Bank** atas nama **LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA** atau secara **Wang Tunai**. Bayaran dengan cek persendirian/syarikat tidak akan diterima. **Bayaran Dokumen ini tidak akan dikembalikan.**
7. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali atau mana-mana tawaran.